

04/03/1999

Chirac jemput Dr M (HL)

Faizal Fadzil

SUBANG, Rabu - Perancis menjemput Malaysia menyertai sidang khas lapan ketua kerajaan di negara itu, akhir tahun ini bagi mengkaji semula kerangka kewangan antarabangsa.

Dalam surat jemputan itu yang dibaca oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada media di sini hari ini, Presiden Perancis, Jacques Chirac, menjelaskan usahanya untuk membuka peluang kepada negara membangun menyertai proses mewujudkan satu kerangka kewangan antarabangsa yang baru.

Usaha itu adalah susulan daripada perbincangan di antara Chirac dan Dr Mahathir di Paris bulan lalu selepas Perdana Menteri menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan Negara-Negara Membangun (G15) di Jamaica.

Pada perbincangan itu, Dr Mahathir menyampaikan keputusan sidang berkenaan yang menyebut hasrat G15 untuk menyertai sebarang usaha mewujudkan kerangka kewangan antarabangsa yang baru.

"Chirac berpendapat kemajuan sudah tercapai ke arah memberi ruang kepada negara membangun mengambil bahagian dalam merangka formula untuk mewujudkan sebuah kerangka kewangan antarabangsa.

"Justeru, Perancis bercadang menjadi tuan rumah kepada satu sidang kemuncak lapan negara dan adalah jelas Malaysia harus menyertai sidang ini," katanya memetik sebahagian daripada kandungan surat Chirac itu.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita sekembalinya dari Dhaka, Bangladesh, selepas menghadiri Sidang Kemuncak Lapan Negara-Negara Islam Membangun (D8).

Dr Mahathir juga menganggap peluang G15 menyertai usaha membentuk kerangka kewangan antarabangsa yang baru semakin cerah apabila wakilnya dijemput menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan Negara Maju (G7) di Cologne, Jerman, Jun ini.

Menerusi surat itu juga, Chirac meminta G15 menghantar wakil negara anggota kumpulan berkenaan menyertai persidangan itu.

Ketika Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur November lalu, Dr Mahathir pernah menyarankan isu mata wang dibincangkan dalam forum yang turut disertai negara membangun.

Menurut Perdana Menteri, forum terbaik untuk tujuan itu ialah dalam Kumpulan 22 yang merangkumi tujuh negara maju dan 15 negara membangun (G7 dan G15), bukan G7 saja kerana G7 eksklusif kepada negara sangat kaya dan tidak terjejas teruk oleh krisis kewangan seperti dihadapi negara membangun.

Ketika ditanya siapa wakil negara G15 yang akan ke sidang kemuncak itu, Perdana Menteri berkata ia terpulang kepada negara G15 untuk menentukannya.

"Satu daripada negara G15. Dia (Chirac) tak kata siapa. Saya fikir G15 sendirilah yang akan menentukan," katanya.

Ditanya mengenai pendirian Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton, yang mula cenderung kepada pendapat beliau berhubung reformasi kewangan antarabangsa, Perdana Menteri menganggap langkah itu satu perkembangan positif.

"Baguslah kalau dia tukar pendiriannya. Ini kerana Amerika penting. Kalau mereka tak setuju, semuanya tak jadi," katanya.

Dalam satu ucapannya di San Francisco beberapa hari lalu, Clinton menjelaskan pentingnya satu reformasi kewangan dilaksanakan apabila modal asing yang memasuki pasaran baru, ditarik keluar serta-merta.

Beliau dilaporkan berkata, langkah itu menyebabkan seluruh ekonomi

pasaran itu menjadi muflis sekali gus menyebabkan berjuta-juta golongan kelas menengah baru menjadi miskin.

Mengenai saranan Clinton supaya Sidang Kemuncak G7 di Cologne harus melakukan lebih banyak tindakan dalam melaksanakan reformasi kewangan, Dr Mahathir berkata perkara itu juga mendapat perhatian Chirac yang akan membawa cadangan itu ke sidang berkenaan.

"Pada mesyuarat itu juga Perancis akan mencadangkan supaya pendapat negara G15 turut diambil kira," katanya.

(END)